



31 Mei 2023  
31 May 2023  
P.U. (A) 170

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KUMPULAN WANG  
SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2023

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

PERATURAN-PERATURAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 71 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Menteri, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2023.

**Pindaan peraturan 5A**

2. Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001 [*P.U. (A) 409/2001*] dipinda dalam peraturan 5A—

(a) dengan memotong subperaturan (1);

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Lembaga boleh menyenggara dua akaun subsidiari bagi maksud mengkreditkan apa-apa caruman, dividen atau wang lain yang dibayar ke dalam Kumpulan Wang berkenaan dengan setiap ahli mengikut peratusan yang berikut:

(a) tujuh puluh peratus daripada caruman, dividen atau wang lain itu ke dalam Akaun I; dan

(b) tiga puluh peratus daripada caruman, dividen atau wang lain itu ke dalam Akaun II.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2B) subperaturan yang berikut:

“(2C) Walau apa pun subperaturan (2), Lembaga hendaklah menyebabkan apa-apa jumlah wang yang diremitkan di bawah seksyen 44A Akta dikreditkan ke dalam Akaun I ahli.”.

Dibuat 25 Mei 2023

[MOF.SBM(R)600-41/39/91; PN(PU2)498/JLD. 19]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Menteri Kewangan*

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 71 of the Employees Provident Fund Act 1991 [Act 452], the Minister, on the recommendation of the Board, makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) Regulations 2023**.

(2) These Regulations come into operation on 1 June 2023.

**Amendment of regulation 5A**

2. The Employees Provident Fund Regulations 2001 [P.U. (A) 409/2001] are amended in regulation 5A—

(a) by deleting subregulation (1);

(b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) The Board may maintain two subsidiary accounts for the purpose of crediting any contribution, dividend or other moneys paid into the Fund in respect of each member in accordance with the following percentage:

(a) seventy per centum of the contribution, dividend or other moneys into Account I; and

(b) thirty per centum of the contribution, dividend or other moneys into Account II.”; and

(c) by inserting after subregulation (2B) the following subregulation:

“(2C) Notwithstanding subregulation (2), the Board shall cause any sum of money remitted under section 44A of the Act to be credited into the Account I of the member.”.

Made 25 May 2023

[MOF.SBM(R)600-41/39/91; PN(PU2)498/JLD. 19]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Minister of Finance*